

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

YBP 224 – PERHUBUNGAN AWAM

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jawan lima soalan di bawah. Gunakan contoh-contoh yang relevan dalam jawapan anda.
 - (a) Jelaskan apakah penyelidikan formal dan informal dalam Perhubungan Awam.
 - (b) Jelaskan tiga [3] objektif penerbitan kakitangan [publik dalaman] dan senaraikan 3 jenis penerbitan tersebut.
 - (c) Perihalkan jenis-jenis publisiti.
 - (d) Berikan empat [4] peranan asas pengamal hubungan pelabur.
 - (e) Apakah audit komunikasi?
 - (f) Apakah makna pro-aktif dan reaktif dalam Perhubungan Awam.
 - (g) Jelaskan lima [5] alat komunikasi yang digunakan oleh organisasi dalam aktiviti-aktiviti Perhubungan Awam/majlis yang diadakan.
 - (h) Apakah tujuan penajaan korporat.
 - (i) Apakah faktor-faktor yang perlu difokaskan oleh Perhubungan Awam Korporat untuk lebih berkesan?

2. Menurut Cutlip, Center & Broom [2000] "dalam membentuk mesej untuk media dan penyuntingnya, pengamal perhubungan awam perlu memberi perhatian kepada nilai berita mesej tersebut." Dengan menggunakan contoh-contoh atau kes studi yang sesuai, bincangkan kriteria yang digunakan oleh pihak media bagi menentukan nilai berita mesej-mesej Perhubungan Awam.

3. Rumah orang-orang cacat penglihatan St. Nicholas [*St. Nicholas Home for the Visually Handicapped*] adalah sekolah kemahiran untuk orang-orang cacat penglihatan. Ia mempunyai beberapa cawangan di Malaysia. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengurusan organisasi kebajikan ini mengalami masalah kekurangan sokongan dan sumbangan kewangan dari orang ramai dan badan korporat. Ini telah membuatkan organisasi ini beroperasi dalam keadaan yang agak sukar. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah telah meminta anda selaku pengamal Perhubungan Awam [konsultan] menyediakan kertas cadangan bagi perancangan program meningkatkan sokongan dan sumbangan kewangan sebanyak 15% berbanding tahun sebelum ini. Program tersebut perlulah mengandungi aktiviti-aktiviti yang dijangka dapat mencapai matlamat badan kebajikan ini.

Sila sediakan kertas cadangan yang dikehendaki dengan mengambil kira proses-proses Perhubungan Awam.